

Ajaran sesat mesti disekat, kata PM

KELANA JAYA, Jumaat — Perdana Menteri berkata langkah tegas mesti diambil bagi mencegah ajaran sesat daripada berkembang di negara ini walaupun gejala itu belum lagi sampai ke tahap membimbangkan.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, usaha membendung gejala itu mesti dilaksanakan segera sebelum ia mencapai tahap membimbangkan kerana jika tidak, sukar untuk mengatasinya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Ijtimak Ulama di Kompleks Haji di sini.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, ada kumpulan yang baru mengenali beberapa aspek agama sudah pandai membentuk dan memperalatkan pengaruh agama untuk maksud tertentu.

Ditanya mengenai kumpulan itu, beliau berkata ia sudah dikenal pasti.

Perdana Menteri seterusnya berkata, kerajaan sahaja tidak boleh bertindak terhadap hal yang membabitkan agama, melainkan golongan alim ulama dan masyarakat sendiri sedar serta mengambil langkah mengatasinya.

Dalam ucapan perasmiannya, Perdana Menteri berkata, kesesatan di kalangan umat Islam di negara ini timbul kerana mereka terlalu mudah menerima seseorang sebagai ulama, asalkan orang berkenaan belajar agama dan boleh berbahasa Arab.

"Apakah setiap orang yang mendakwa dirinya ulama perlu kita terima sebagai pewaris Nabi? Apakah kita boleh sewenang-

wenangnya menerima pemimpin Qadiani dan tarekat yang kabur sebagai ulama dan menerima sahaja ajaran mereka?"

"Sementara kita mengakui bahawa ulama mempunyai kedudukan yang mulia, kita juga tidak boleh dengan mudah menerima sesiapa sahaja sebagai ulama apabila mereka mendakwa dirinya Imam Mahadi atau sahabatnya atau boleh bertemu Nabi di alam ghaib," katanya.

Beliau seterusnya membidas kumpulan yang menurutnya baru mengenali beberapa aspek agama, tetapi sudah pandai membentuk dan memperalatkan pengaruh agama untuk maksud tertentu.

Teguran

Katanya, oleh kerana topeng agama menyelamatkan mereka daripada teguran, kumpulan itu menjadi angkuh sehingga mendakwa mereka lebih layak mentadbir hal agama di negara ini serta mentafsir Islam menurut kehendak mereka.

Kumpulan itu, katanya, taksub dengan kejayaan mereka mempengaruhi golongan tertentu, terutama wanita dan pelajar serta menyesatkan kefahaman agama wanita dan pelajar terbabit supaya menerima segala kehendak mereka.

"Ketika pemimpin kerajaan berusaha mengekalkan perpaduan umat, kumpulan itu menonjolkan pula isu usang yang pernah mengelirukan masyarakat sejak berabad lalu, seperti isu tarekat kabur, ta-

rikh kiamat serta kebangkitan Imam Mahadi.

"Masyarakat Islam mesti sedar bahawa isu seperti itu bukanlah persoalan yang boleh ditentukan oleh sesiapa dan sejarah membuktikan kesilapan memahami hal seperti itu boleh menyebabkan rosak akidah sehingga menyebabkan perpecahan di kalangan masyarakat," kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu, beliau meminta golongan ulama memberi kefahaman kepada masyarakat bahawa pegangan akidah Islamiah yang kukuh adalah asas keimanan yang sebenar supaya mereka tidak mudah dipengaruhi ajaran sesat dan karut.

Seramai 100 ulama tempatan menghadiri ijtimak selama tiga hari anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.